

Eksplorasi Pembingkaian Isu Penyalahgunaan Dadah dan Bahan di Malaysia dalam Akhbar Harian Metro dan The Star

JULIANA MOHAMAD KHARI

KHO SUET NIE

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Media dan komunikasi kini menjadi agen penyampaian maklumat yang penting dalam masyarakat, termasuk media cetak yang berperanan dalam menyebarkan maklumat mengenai masalah dadah dan bahan. Kajian ini menganalisis pembingkaian berita dadah dan bahan di dua akhbar utama Malaysia, Harian Metro dan The Star, bagi tempoh Januari hingga Jun 2023 menggunakan teori pembingkaian. Penelitian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kuantitatif. 362 artikel berita yang dilaporkan dalam kedua-dua akhbar tersebut dianalisis, dengan 241 artikel daripada Harian Metro dan 121 artikel daripada The Star. Hasil kajian menunjukkan Harian Metro lebih cenderung menggunakan bingkai tanggungjawab ($M=0.6100$) dan bingkai konflik ($M=0.3734$) berbanding The Star yang menggunakan bingkai tanggungjawab ($M=0.5967$) dan bingkai konflik ($M=0.3079$). Sebaliknya, The Star lebih banyak menggunakan bingkai moraliti ($M=0.0275$) dan bingkai kesan ekonomi ($M=0.2039$) berbanding Harian Metro yang mencatatkan ($M=0.0346$) untuk bingkai moraliti dan ($M=0.1978$) untuk bingkai kesan ekonomi. Bingkai kepentingan manusia pula menunjukkan Harian Metro ($M=0.4241$) dan The Star ($M=0.3752$). Kajian ini juga mendapati bahawa sumber berita seperti PDRM, wartawan atau media dan kementerian/agensi/PBT memainkan peranan penting dalam membentuk bingkai berita dan mempengaruhi penyampaian isu dadah dan bahan kepada pembaca. Di samping itu, kategori peristiwa yang dilaporkan, seperti penangkapan pengedar dan sindiket dadah dan bahan, Operasi pencegahan dadah dan bahan serta jenayah salah laku oleh pengguna dadah dan bahan turut mempengaruhi pembingkaian berita tersebut. Secara keseluruhan, kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam bidang kajian media dan komunikasi dengan memberikan perspektif baru mengenai pembingkaian berita di Malaysia.

Kata kunci: *Pembingkaian, akhbar, dadah, bahan, sumber berita.*

An Exploration of the Framing of Drug and Substance Abuse in Malaysia in the Harian Metro and the Star Daily Newspaper

ABSTRACT

Media and communication are now significant agents in disseminating information in society, including print media, which plays a role in spreading information about drug and substance issues. This study analyzes the framing of drug and substance news in two major Malaysian newspapers, Harian Metro and The Star from January to June 2023, using the framing theory by Semetko and Valkenburg (2000). This research employs quantitative content analysis. 362 news articles were collected from both newspapers, with 241 articles from Harian Metro and 121 articles from The Star. Harian Metro tended to use the responsibility frame ($M=0.6100$) and the conflict frame ($M=0.3734$) more compared to The Star for responsibility frame ($M=0.5967$) and conflict frame ($M=0.3079$). The Star utilized the morality frame ($M=0.0275$) and the economic consequences

*Corresponding author: suetnie@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2024-4003-15>

frame ($M=0.2039$) more than Harian Metro which recorded ($M=0.0346$) for the moral frame and ($M=0.1978$) for the economic consequences frame. The human-interest frame showed Harian Metro ($M=0.4241$) and The Star ($M=0.3752$). This study found that news sources such as the PDRM, journalists or media and Ministry/Agency/PBT play a crucial role in shaping news frames and influencing the delivery of drug and substance issues to readers. The categories of events reported such as the arrest of drug and substance dealers and syndicates, drug and substance prevention operations and criminal misconduct by drug and substance users, also influenced the framing of the news. Overall, this study contributes to the existing literature in media and communication studies by providing fresh perspectives on news framing in Malaysia.

Keywords: *Media framing, print media, drug, substances, news sources.*

PENGENALAN

Penyalahgunaan dadah dan bahan adalah masalah global dengan pasaran yang membekalkan dadah haram sering merentasi sempadan antarabangsa. Penyalahgunaan dadah dan bahan adalah penyakit kronik yang melemahkan, menjejaskan individu dan keluarga dengan ketara. Situasi di Malaysia juga tidak terlepas daripada fenomena global ini, di mana masalah penyalahgunaan dadah dan bahan semakin memburuk dan membawa pelbagai kesan negatif kepada masyarakat. Masalah penyalahgunaan dadah dan bahan merupakan kebimbangan serius yang melanda masyarakat Malaysia. Kesannya tidak hanya menyentuh aspek kesejahteraan individu dan masyarakat, tetapi turut mengancam kestabilan sosial dan keselamatan negara. Penyalahgunaan dadah jenis syabu misalnya telah merebak merentasi pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira faktor demografi seperti jantina, umur, keturunan, pangkat, bangsa atau agama dan merupakan salah satu isu kesihatan awam utama (Ismail et al., 2015). Fenomena ini menggambarkan bahawa penyalahgunaan dadah dan bahan tidak lagi terbatas kepada golongan dewasa sahaja, tetapi juga melibatkan golongan belia, menambah kerumitan dalam usaha mengatasi masalah ini.

Dalam konteks ini, peranan media massa, terutamanya akhbar, turut memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan bahan kepada masyarakat. Melalui liputan meluas dan terperinci, media massa dapat membantu meningkatkan kesedaran dan memberikan maklumat yang diperlukan kepada orang ramai serta membantu pihak berkuasa dalam usaha mencegah dan mengatasi masalah penyalahgunaan dadah dan bahan. Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan (2022) melalui Maklumat Dadah 2022, penemuan pada 2022 menunjukkan bahawa daripada 100,000 orang penduduk terdapat seramai 420 orang penyalah guna dan penagih dadah serta bahan iaitu dengan nisbah 1 orang bagi setiap 238 orang penduduk.

Pembingkaian berita adalah proses yang memberikan tumpuan dan tafsiran tertentu kepada peristiwa atau isu. Dalam konteks media, pembingkaian bukan sahaja mempengaruhi cara berita disampaikan, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dan tanggapan masyarakat terhadap isu semasa. Pembingkaian media penting kerana ia menentukan cara masyarakat memahami dan menilai sesuatu isu dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu. Ini boleh membentuk pandangan umum, mempengaruhi reaksi emosi, serta tindakan masyarakat terhadap isu-isu yang dilaporkan. Dengan cara ini, media memainkan peranan besar dalam membentuk norma sosial dan menentukan agenda perbincangan awam. Pemilihan kata, susunan cerita serta tumpuan pada aspek tertentu boleh memberikan warna dan makna yang berbeza kepada suatu berita. Malah pembingkaian dalam media menjadi titik permulaan permasalahan, di mana

penekanan pada aspek tertentu boleh mempengaruhi pemahaman dan sikap masyarakat terhadap realiti yang disajikan.

Terdapat beberapa kajian pembingkaian tentang penyalahgunaan dadah atau bahan misalnya menurut Jozaghi (2022), sebahagian besar liputan media Amerika Syarikat mengenai krisis opioid telah difokuskan untuk membingkai isu Orang Yang Menggunakan Dadah (PWUDs) sebagai isu keadilan jenayah daripada kesihatan awam. Selain itu, pelaporan turut menyumbang kepada pembingkaian penggunaan metamfetamin sebagai isu keadilan jenayah dengan menggambarkan orang yang menggunakan metamfetamin sebagai individu yang menyimpang dan layak mendapat akibat undang-undang berbanding rawatan atau perkhidmatan kesihatan tambahan (Sunderland et al., 2023). Tambahan pula, menurut Jayachandran (2020) ketiadaan liputan mengenai risiko kesihatan penggunaan alkohol dalam pembingkaian cerita berkaitan alkohol merupakan satu kekurangan yang bermasalah.

Berdasarkan penemuan kajian lepas dapat disimpulkan bahawa, kajian pembingkaian isu penyalahgunaan dadah dan bahan secara holistik di Malaysia kurang dikaji. Kebanyakan kajian pembingkaian tertumpu kepada pembingkaian berita kesihatan, pendidikan, sukan dan isu keselamatan. Pembingkaian berita dadah pula lebih tertumpu kepada penyalahgunaan bahan seperti opioid, metamfetamin dan alkohol dan kebanyakannya dijalankan di luar negara. Jurang ini menunjukkan perlunya kajian yang lebih mendalam dan spesifik mengenai pembingkaian isu penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia, terutama dalam konteks media tempatan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana dua akhbar utama di Malaysia, iaitu Harian Metro dan The Star, membingkai isu penyalahgunaan dadah dan bahan yang dirangka berpandukan Teori Semetko dan Valkenburg (2000). Kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk mengisi jurang dalam kajian sedia ada tetapi juga untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana isu penyalahgunaan dadah dan bahan dibingkaikan oleh media tempatan. Pemahaman terhadap pembingkaian ini dapat membantu perangkaan dasar yang lebih berkesan untuk menangani isu ini dengan melibatkan pihak yang bertanggungjawab serta memberikan maklumat yang tepat kepada masyarakat. Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu;

- a) Mengukur kekerapan sumber yang digunakan dalam isu penyalahgunaan dadah dan bahan dalam Akhbar Harian Metro dan The Star.
- b) Mengukur kekerapan kategori peristiwa dalam isu penyalahgunaan dadah dan bahan dalam Akhbar Harian Metro dan The Star.
- c) Mengukur bingkai paling dominan dalam pembingkaian isu penyalahgunaan dadah dan bahan dalam Akhbar Harian Metro dan The Star.

TINJAUAN SUSASTERA

Teori Pembingkaian

Pembingkaian berita mengarah dan memberi jalan bagi audiens tentang bagaimana melihat dan memahami topik tersebut. Ia berpotensi membawa beberapa konsekuensi seperti yang dikatakan oleh Lippmann sebagai "gambaran dalam kepala kita" (Sadmege & Nasucha, 2019). Pembingkaian berita juga merujuk kepada cara di mana berita disusun, diformat dan disampaikan kepada orang ramai. Menurut Norfadhlina et al. (2020) pembingkaian merupakan satu kaedah membina makna tentang sesuatu perkara. Pembingkaian merupakan konsep yang banyak digunakan dalam sains sosial dan tingkah laku. Dalam sains komunikasi, pembingkaian menonjol dalam komunikasi kesihatan, penyelidikan berita dan kewartawaran

dan khususnya, penyelidikan komunikasi politik (Lecheler & de Vreese, 2019). Selain itu, Postma dan Donyai (2021) menyatakan penetapan agenda menunjukkan kesan terhadap perkara yang dibincangkan oleh orang ramai manakala model pembingkaian mencadangkan bahawa media boleh mempengaruhi perasaan orang terhadap sesuatu isu.

Model Semetko dan Valkenburg (2000)

Model Semetko dan Valkenburg (2000) yang mengenal pasti bingkai berita melalui lima bingkai utama iaitu bingkai atribusi tanggungjawab, bingkai minat manusia, bingkai konflik, bingkai moraliti dan bingkai kesan ekonomi (Vreese, 2005). Berdasarkan kajian Semetko dan Valkenburg (2000) teori pembingkaian digunakan untuk meneroka bagaimana media cetak dan televisyen di Belanda menggariskan isu politik Eropah melalui penggunaan bingkai berita yang berbeza. Analisis ini memberi wawasan tentang bagaimana penyampaian berita melalui bingkai tertentu boleh mempengaruhi persepsi dan penilaian masyarakat terhadap politik Eropah. Menurut kajian Semetko dan Valkenburg (2000), penganalisisan kandungan bingkai generik berita mengenai politik Eropah telah disiarkan. Kedua-dua sarjana ini telah menggunakan lima bingkai berita generik dalam kajianya. Bingkai yang digunakan adalah bingkai tanggungjawab, bingkai konflik, bingkai kepentingan manusia, bingkai kesan ekonomi dan bingkai moraliti iaitu dua bingkai tambahan daripada penyelidikan pembingkaian Price et al. (1997) yang hanya melibatkan bingkai konflik, bingkai kepentingan manusia dan bingkai akibat dalam memahami kesan ke atas pembaca (Muhammad Hakimi et al., 2019).

Pemilihan Teori Semetko dan Valkenburg (2000) sebagai asas untuk kajian ini adalah kerana teori ini mempunyai kesesuaian spesifik dalam pembingkaian berita. Teori ini menyediakan kerangka khusus untuk menganalisis pembingkaian berita yang merupakan fokus utama kajian ini. Ia menawarkan lima bingkai yang jelas iaitu bingkai atribusi tanggungjawab, bingkai kepentingan manusia, bingkai konflik, bingkai moraliti dan bingkai kesan ekonomi. Bingkai ini sangat sesuai untuk menganalisis cara media membingkaikan isu penyalahgunaan dadah dan bahan.

Kajian Pembingkaian Media Cetak di Malaysia

Walaupun kajian pembingkaian begitu popular dalam bidang komunikasi sama ada dari dalam atau luar negara, namun ianya lebih menumpukan pembingkaian terhadap pilihanraya, isu sukan, isu pendidikan, isu kesihatan dan isu keselamatan. Misalnya kajian oleh Azahar et al. (2022) adalah mengenai pembingkaian berita strategik Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada 2010-2014 di Malaysia. Kajian ini memilih beberapa teks daripada tiga jenis akhbar iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Malaysiakini. GTP yang dimulakan semasa tempoh Dato' Seri Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Manakala dalam bidang pendidikan pula, kajian oleh Norli et al. (2021) telah mengenal pasti bingkai yang paling menonjol yang dibina oleh media atas talian dalam pembingkaian laporan berita mengenai isu pembantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia. Beliau juga menyatakan pembingkaian memberi fokus kepada bagaimana media menarik perhatian masyarakat terhadap topik tertentu, bermula dengan menetapkan agenda dan seterusnya membentuk bingkai di mana penonton akan memahami maklumat tersebut. Untuk membina bingkai berita biasanya memerlukan pilihan yang tepat oleh sumber, wartawan dan penyunting.

Menurut kajian Awan et al. (2021), sumber merupakan aspek yang penting dalam menyampaikan sesuatu berita ataupun maklumat kerana sekiranya sumber tidak relevan maka rakyat atau masyarakat tidak mempercayai dan menganggap kenyataan atau maklumat tersebut tidak relevan dan tidak mempunyai kredibiliti. Dengan cara ini media bertindak sebagai keratan rentas yang mengumpul, memilih, menganjurkan dan membentangkan idea, acara dan topik yang mereka sampaikan. Menurut Awan Ismail,

Awan et al. (2021) lagi, pembingkaian adalah suatu komponen yang penting dalam kajian mengenai kekerapan posting berdasarkan kategori. Pembingkaian mempengaruhi bagaimana suatu posting itu dipersembahkan dan seterusnya mempengaruhi persepsi khalayak dan konsep pembingkaian ini sebenarnya sungguh ‘berkuasa’ di mana ianya mempengaruhi penilaian khalayak.

Seterusnya, di antara kajian yang dijalankan di Malaysia menggunakan Teori Semetko dan Valkenburg (2000) adalah kajian oleh Kho et al. (2003) yang meneliti pembingkaian isu pendidikan dalam laporan empat akhbar Cina di Malaysia semasa polisi pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris pada tahun 2003. Kajian Muhammad Hakimi et al. (2019) menganalisis penggunaan bingkai media oleh penulis blog terpilih di Malaysia semasa Pilihanraya Umum (PRU) ke-13. Ia membandingkan pendedahan bingkai media dalam blog pro-Barisan Nasional dan pro-Pakatan Rakyat melalui analisis 836 artikel dari lapan blog yang dikumpul dua bulan sebelum dan selepas PRU.

Terdapat juga kajian oleh Mohammed Faizal dan Abdul Latiff (2019) yang meneliti bagaimana Instagram membantu selebriti wanita Malaysia dalam penjenamaan diri yang lebih efektif berbanding media tradisional. Kajian ini menganalisis akaun Instagram lima selebriti wanita popular menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti teknik penjenamaan diri. Kajian Norli et al. (2021) mengkaji peranan pembingkaian dalam media untuk memahami bagaimana berita bantahan pembelajaran tulisan Jawi di sekolah vernakular di Malaysia dilaporkan dalam akhbar online seperti Berita Harian Online dan Malaysiakini.com. Kajian itu menggunakan kaedah analisis kandungan dan ia mendapati kelima-lima bingkai generik digunakan dalam laporan berita tersebut. Kajian oleh Gou dan Rani (2022) pula meneliti bagaimana portal berita dalam talian seperti New Straits Times Online, The Star Online, Malaysiakini dan Free Malaysia Today melaporkan berita mengenai vaksin COVID-19 dari 1 Mac 2021 hingga 30 November 2021.

Kajian oleh Azahar et al. (2022) adalah mengenai pembingkaian berita strategik Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada 2010-2014 di Malaysia. Kajian ini memilih beberapa teks daripada tiga jenis akhbar iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia dan Malaysiakini. GTP yang dimulakan semasa tempoh Dato' Seri Najib Razak yang merupakan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu.

Menurut Awan et al. (2021) sumber merupakan aspek yang penting dalam menyampaikan sesuatu berita ataupun maklumat kerana, kerana sekiranya sumber tidak relevan maka rakyat atau masyarakat tidak mempercayai dan menganggap kenyataan atau maklumat tersebut tidak relevan dan tidak mempunyai kredibiliti. Dengan cara ini media bertindak sebagai keratan rentas yang mengumpul, memilih, menganjurkan dan membentangkan idea, acara dan topik yang mereka sampaikan. Menurut Awan et al. (2021) lagi, pembingkaian adalah suatu komponen yang penting dalam kajian mengenai kekerapan posting berdasarkan kategori. Pembingkaian mempengaruhi bagaimana suatu posting itu dipersembahkan dan seterusnya mempengaruhi persepsi khalayak dan konsep pembingkaian ini sebenarnya sungguh ‘berkuasa’ di mana ianya mempengaruhi penilaian khalayak.

Walaupun kajian pembingkaian begitu popular dalam bidang komunikasi sama ada dari dalam atau luar negara, namun ianya lebih menumpukan pembingkaian terhadap pilihanraya, isu sukan, isu pendidikan, isu kesihatan dan isu keselamatan. Maka kajian ini memberikan sumbangan kepada Teori Pembingkaian dengan mengaplikasikannya dalam konteks pembingkaian berita dadah dan bahan di Malaysia.

Isu Dadah dan Bahan di Malaysia

Dasar Dadah Kebangsaan telah diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan untuk mewujudkan negara Malaysia bebas daripada gejala ancaman dadah menjelang 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional (Haslee et al., 2017).

Di antara entiti utama yang memainkan peranan penting dalam usaha ini ialah Kementerian Dalam Negeri (KDN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). KDN merupakan kementerian yang bertanggungjawab dalam merangka dasar dan strategi keselamatan, termasuk usaha membanteras penyalahgunaan dadah. KDN bekerjasama dengan pelbagai agensi lain untuk memastikan dasar dan strategi yang dirangka dilaksanakan dengan berkesan di semua peringkat. Menurut Noor Zahrah et al. (2023) dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KDN diberikan tanggungjawab untuk memperkuuhkan keselamatan kesejahteraan dan keterangkuman di Malaysia. Sasaran utama KDN adalah untuk mencapai pengurangan jenayah indeks kepada 238 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2025.

AADK pula memainkan peranan penting dalam usaha kerajaan Malaysia menangani dan membasi masalah dadah di negara ini. AADK yang ditubuhkan pada 1983 di bawah KDN bertujuan mengurangkan penyalahgunaan dadah menerusi pelbagai program pencegahan, pemulihan dan penguatkuasaan undang-undang secara holistik. Sejak penubuhannya, AADK giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah serta menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada penagih dadah di seluruh Malaysia. Melalui rangkaian pejabat daerah dan cawangan di seluruh negara, AADK giat berusaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya dadah dan kesannya kepada individu dan masyarakat. Menurut Mohammad Adam et al. (2021), AADK menerajui usaha rawatan dan pemulihan penagih dadah melalui institusi seperti Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). AADK melaksanakan modul pemulihan seperti psikososial, terapeutik komuniti, latihan kemahiran dan psikospiritual. Selain itu, program pemulihan komuniti yang melibatkan kaunseling, penempatan pekerjaan dan latihan kemahiran juga penting dalam mencegah penagihan berulang. Kajian oleh Haslee et al. (2021) menyatakan bahawa AADK telah diarahkan untuk merangka, merancang dan melaksanakan program serta aktiviti khusus yang berfokus bagi mengatasi masalah dadah secara holistik dan komprehensif dalam tempoh lima tahun dan usaha ini juga bertujuan menghapuskan permintaan dan penawaran dadah dalam negara.

Kerajaan Malaysia dengan penglibatan pasukan keselamatan seperti JSJN PDRM, Rejimen Sempadan, dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan untuk melindungi sempadan negara daripada pencerobohan sindiket penyeludupan dadah antarabangsa (Amer & Noraini, 2022). JSJN di bawah PDRM bertanggungjawab dalam aspek penguatkuasaan undang-undang dan keselamatan dan

mengeluarkan sejumlah peruntukan kewangan yang besar bagi melengkapkan kekuatan pasukan dengan sistem persenjataan yang moden serta canggih di dalam membanteras aktiviti penyeludupan dadah di Malaysia. Menurut Sharon dan Tham (2019) PDRM bertindak sebagai pembina agenda media dan mempunyai kawalan tertentu tentang siapa yang harus bercakap dengan media, berapa banyak yang boleh dikatakan dan media mana yang patut diberi "keistimewaan" maklumat. PDRM memainkan peranan penting dalam mengesan, menangkap dan mendakwa pengedar serta penagih dadah. Melalui operasi dan serbuan, PDRM berjaya mematahkan sindiket pengedaran dadah yang beroperasi di dalam negara. KDN dan PDRM mengorak langkah bagi memperkemaskan lagi sistem operasi dan siasatan mereka di dalam negara. Pelbagai inisiatif telah mereka lakukan dalam menangani jenayah seperti jenayah jalanan (Azahar et al., 2022). Menurut Azizul et al. (2019) pelbagai operasi telah dijalankan oleh pihak bertanggungjawab untuk membanteras pengedaran dan penyeludupan dadah serta bahan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kuantitatif untuk menganalisis isu penyalahgunaan dadah dan bahan yang dilaporkan oleh Akhbar Harian Metro dan The Star. Pendekatan kuantitatif sangat penting dalam teori pembingkaian oleh Semetko dan Valkenburg (2000) kerana ia telah mengidentifikasi lima bingkai generik yang digunakan dalam analisis kandungan media iaitu bingkai atribusi tanggungjawab, bingkai kepentingan manusia, bingkai konflik, bingkai moraliti dan bingkai kesan ekonomi. Kelima-lima bingkai generik ini boleh diaplikasikan dalam pembingkaian isu-isu yang spesifik, dan dalam kajian ini, untuk isu dadah dan bahan. Pendekatan kuantitatif membolehkan pengukuran yang tepat dan konsisten terhadap item yang telah disediakan, melalui pengumpulan data yang sistematik dan analisis statistik. Ini memastikan bahawa data yang dikumpulkan adalah sahih dan boleh dipercayai serta memberikan gambaran yang jelas tentang penggunaan bingkai dalam media.

Bagi memastikan kesahan borang kodan yang digunakan, instrumen kajian diberikan kepada dua orang penilai di mana seorang daripadanya adalah pegawai kanan AADK yang sememangnya pakar dalam isu dadah di Malaysia dan seorang lagi terdiri daripada editor yang berpengalaman dalam dunia kewartawanan. Ujian kebolehpercayaan antara koder dan kesahan telah dilakukan dengan menggunakan satu koder selain daripada penyelidik. Ujian kebolehpercayaan data berada pada tahap 0.90.

Pensampelan bagi kajian ini adalah pensampelan bertujuan di mana kajian menggunakan artikel yang mengandungi isu penyalahgunaan dadah dan bahan melalui akhbar Harian Metro dan The Star. Pemilihan sampel ini adalah kerana kedua-dua akhbar tersebut merupakan akhbar paling dominan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris kerana kedua-dua akhbar mempunyai bilangan artikel tertinggi dalam melaporkan isu penyalahgunaan dadah dan bahan sepanjang tahun 2023. Isu penyalahgunaan dadah dan bahan yang diteliti ini adalah berdasarkan berita media cetak yang telah didapati dalam sistem data Perpustakaan AADK daripada bulan Januari sehingga Jun 2023. Statistik rangkuman berita dadah adalah seperti Jadual 1. Penggunaan Rangkuman Berita AADK sebagai sumber data utama disebabkan oleh ketepatan dan kesahihan maklumat yang dibentangkan dalam rangkuman berita yang dihimpunkan oleh Perpustakaan AADK. Pengkaji memilih sampel berita daripada bulan Januari hingga Jun 2023 kerana mengambil kira tarikh 19 Februari setiap tahun adalah Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan manakala 30 Jun

setiap tahun adalah Sambutan Hari Antidadah Antarabangsa. Mengambil kira kedua-dua tarikh signifikan isu dadah dan bahan akan memberikan lebih liputan berita, maka pengkaji mengambil data daripada Januari-Jun 2023.

Jadual 1: Statistik berita dadah dan bahan akhbar Malaysia Januari-Jun 2023

Bulan	Harian Metro	Sinar Harian	Utusan Malaysia	Berita Harian	NST	The Star
Januari	46	34	22	16	24	16
Februari	33	24	18	12	11	18
Mac	46	29	18	15	10	10
April	43	18	17	17	23	17
Mei	35	21	25	14	23	30
Jun	38	22	20	15	11	30
Jumlah	241	148	130	89	102	121

Kesemua lima bingkai generik teori pembingkaian oleh Semetko dan Valkenburg (2000) digunakan dalam analisis ini iaitu bingkai atribusi tanggungjawab, bingkai kepentingan manusia, bingkai konflik, bingkai moraliti dan bingkai kesan ekonomi. Bingkai tanggungjawab membentangkan masalah atau isu supaya tanggungjawab terhadap punca atau penyelesaiannya dikaitkan dengan kerajaan atau individu atau kumpulan (Semetko & Valkenburg, 2000). Bingkai kepentingan manusia membawa perspektif manusia atau emosi untuk menyampaikan peristiwa, isu atau masalah. Bingkai konflik menyerahkan dua pihak yang bercanggah dalam sesuatu isu, mencerminkan perselisihan faham antara pihak, individu atau kumpulan. Bingkai moraliti merujuk kepada mentafsir peristiwa atau isu berdasarkan pegangan agama. Contohnya termasuk rujukan kepada moral, Tuhan, dan ajaran agama lain dalam berita. Bingkai kesan ekonomi dilaporkan berdasarkan akibat ekonomi sesuatu peristiwa, masalah atau isu untuk individu, kumpulan, institusi, wilayah atau negara.

Untuk menilai ketampakan bingkai dalam berita, 18 pernyataan atribut Semetko dan Valkenburg yang sejajar dengan bingkai generik telah digunakan. Tanda afirmatif diletakkan pada "ya" jika pengekod percaya bahawa pernyataan atribut digunakan pada keseluruhan unit analisis, dan pada "tidak" jika tidak. Setiap respons afirmatif diberi markah 1 dan respons negatif tidak diberi markah. Skor terkumpul untuk bingkai tertentu kemudiannya dipuratakan berdasarkan bilangan perihalan atribut yang dikaitkan dengan bingkai tersebut. Markah yang diperoleh adalah antara "0" hingga "1", mewakili ketampakan bingkai. Skor "0" menunjukkan tiada ketampakan, manakala skor "1" menandakan keterlihatan lengkap. Kajian ini mengkaji dengan teliti kebolehpercayaan dan kesahan item atribut ini. Daripada segi sumber, sumber dikategorikan kepada:

- a) Agensi Antidadah Kebangsaan Polis Diraja Malaysia Kementerian/Agenzi/Pihak Berkuasa Tempatan
- b) Wakil Rakyat/Ahli Politik
- c) NGO,
- d) Media/Wartawan Syarikat korporat/Pihak swasta
- e) Pakar/Sarjana
- f) Orang Awam
- g) Selebriti
- h) GLC
- i) Lain-lain

Peristiwa dadah dan bahan pula dibahagikan kepada:

- a) Penangkapan pengedar/sindiket dadah
- b) Operasi pencegahan dadah oleh pihak berkuasa
- c) Pemberian hukuman kepada pengedar dadah
- d) Penemuan dadah
- e) Pelaksanaan undang-undang baru berkaitan dadah
- f) Pertemuan antara pemimpin masyarakat dengan penagih dadah jenayah/salah laku oleh pengguna dadah
- g) Kesan penyalahgunaan dadah terhadap masyarakat setempat
- h) Kemalangan jalan raya disebabkan oleh pengguna dadah
- i) Program rawatan dan pemulihan dadah
- j) Cerita kejayaan dalam program pemulihan dadah
- k) Program pencegahan dadah di sekolah dan komuniti
- l) Kempen kesedaran tentang bahaya dadah
- m) Kebakaran atau ledakan yang disebabkan oleh bahan kimia dadah
- n) Lain-lain.

Sumber-sumber dan peristiwa ini dikategorikan berdasarkan kepada tinjauan susastera tentang pemegang taruh isu dadah dan bahan serta diberikan pengesahan oleh pakar bidang. Daripada segi analisis, kajian ini bertujuan untuk membuat eksplorasi awal bagaimana kedua-dua akhbar melaporkan isu-isu tertentu seperti penggunaan dadah, hukuman, dan penyeludupan dadah. Maka kajian ini hanya memberikan fokus kepada frekuensi dan peratus, dan tabur silang untuk memperoleh pemahaman awal tentang penekanan dan variasi dalam pelaporan berita.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jumlah unit analisis isu penyalahgunaan dadah dan bahan diambil dari dua akhbar utama di Malaysia iaitu Harian Metro dan The Star adalah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Sampel akhbar pembingkaian isu penyalahgunaan dadah dan bahan

Akhbar	Kekerapan	Peratus (%)
Harian Metro	241	66.6
The Star	121	33.4
Jumlah	362	100.00

Jadual 3 menunjukkan peratusan sumber-sumber berita dadah secara keseluruhan. PDRM adalah sumber yang paling banyak dengan 194 artikel (53.6%) daripada keseluruhan sumber menunjukkan bahawa PDRM merupakan sumber yang paling dominan dalam kajian ini. Media atau wartawan adalah sumber kedua paling banyak dengan 116 artikel (32.0%), menunjukkan media dan wartawan turut menyumbang sebagai pemberi sumber utama kepada akhbar. Kementerian/Agensi/PBT pula sebanyak 28 artikel (7.7%), menunjukkan maklumat dari mereka juga memainkan peranan penting. AADK mempunyai 9 artikel (2.5%), menunjukkan ia adalah salah satu sumber yang digunakan tetapi tidak begitu dominan. Pakar/Sarjana sebanyak 4 artikel (1.1%), menunjukkan kepakaran akademik bukan sumber utama dalam artikel. NGO dan Orang Awam masing-masing menyumbang sebanyak 3 artikel (0.8%), menunjukkan pandangan mereka kurang diambil kira. Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) dan Selebriti masing-masing dirujuk 2 kali (0.6%), menunjukkan mereka

bukanlah sumber utama terhadap berita yang dilaporkan. Syarikat Korporat / Pihak Swasta hanya dirujuk sekali (0.3%), menunjukkan sumber dari sektor korporat sangat sedikit.

Jadual 3: Frekuensi dan peratusan sumber berita isu penyalahgunaan dadah dan bahan

Sumber	Kekerapan	Peratus
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	194	53.6
Media/Wartawan	116	32.0
Kementerian / Agensi / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	28	7.7
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	9	2.5
Pakar / Sarjana	4	1.1
NGO	3	0.8
Orang Awam	3	0.8
Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP)	2	0.6
Selebriti	2	0.6
Syarikat korporat / Pihak swasta	1	0.3
Jumlah	362	100.0

Secara keseluruhannya, laporan berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan oleh akhbar Harian Metro dan The Star lebih cenderung merujuk kepada sumber rasmi seperti PDRM, yang memainkan peranan utama dalam penguatkuasaan undang-undang dan pencegahan dadah. Kredibiliti dan autoriti PDRM meningkatkan kepercayaan pembaca terhadap laporan berita. Selain itu, wartawan dan media sendiri juga penting dalam menyampaikan maklumat. Walaupun sumber seperti Kementerian/Agensi/PBT, AADK, Pakar/Sarjana, NGO, orang awam, PPDP, selebriti dan syarikat korporat/pihak swasta kurang digunakan, kehadiran sumber ini masih penting untuk memberikan perspektif yang berbeza dan memperkayakan laporan berita. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa media berperanan penting dalam menyebarkan maklumat dan mempromosikan isu sosial yang dapat mempengaruhi pembuat dasar pihak berkuasa dan meningkatkan kesedaran masyarakat. Penggunaan sumber yang lebih pelbagai dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai isu penyalahgunaan dadah dan bahan, seterusnya meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat.

Jadual 4 menunjukkan kategori peristiwa yang paling kerap dilaporkan adalah penangkapan pengedar atau sindiket dadah dan bahan dengan 101 artikel (27.9%) daripada jumlah keseluruhan artikel. Ini diikuti oleh laporan tentang operasi pencegahan dadah dan bahan oleh pihak berkuasa yang menyumbang sebanyak 63 artikel (17.4%). Jenayah atau salah laku oleh pengguna dadah dan bahan dilaporkan sebanyak 49 kali (13.5%). Pemberian hukuman dan penemuan dadah dan bahan masing-masing dilaporkan sebanyak 23 kali (6.4%) setiap satu. Kategori lain termasuk penyeludupan dadah dan bahan serta perbicaraan kes dadah dan bahan sebanyak 18 artikel (5.0%), program rawatan dan pemulihan 16 artikel (4.4%) dan pelaksanaan undang-undang baru berkaitan dadah dan bahan sebanyak 10 artikel (2.8%).

Jadual 4: Frekuensi dan peratusan peristiwa isu penyalahgunaan dadah dan bahan

Peristiwa	Kekerapan	Peratus (%)
Penangkapan pengedar/sindiket dadah dan bahan	101	27.9
Operasi pencegahan dadah dan bahan oleh pihak berkuasa	63	17.4
Jenayah/salah laku oleh pengguna dadah dan bahan	49	13.5
Pemberian hukuman kepada pengedar dadah dan bahan	23	6.4
Penemuan dadah dan bahan	23	6.4

Penyeludupan dadah dan bahan	18	5.0
Perbicaraan kes dadah dan bahan	18	5.0
Program rawatan dan pemulihan dadah dan bahan	16	4.4
Pelaksanaan undang-undang baru berkaitan dadah dan bahan	10	2.8
Bebas pertuduhan	7	1.9
Salah laku anggota	7	1.9
Kesan penyalahgunaan dadah dan bahan terhadap masyarakat setempat	7	1.9
Cerita kejayaan dalam program pemulihan dadah dan bahan	4	1.1
Statistik penagih	4	1.1
Kemalangan jalan raya disebabkan oleh pengguna dadah dan bahan	3	0.8
Kempen kesedaran tentang bahaya dadah dan bahan	2	0.6
Program pencegahan dadah dan bahan di sekolah dan komuniti	2	0.6
Scam	2	0.6
Kisah hidup penagih dan keluarga	1	0.3
Penyelidikan dadah dan bahan	1	0.3
Pertanian/tanaman dadah dan bahan	1	0.3
Jumlah	362	100.0

Ini bersesuaian dengan sejarah dadah di Malaysia apabila Amer dan Noraini (2021) ada menyatakan bahawa aktiviti pengedaran dan penyeludupan dadah di Tanah Melayu menjadi kritikal akibat aktiviti kumpulan kongsi gelap Cina yang mengejar keuntungan daripada jualan candu kepada penduduk tempatan. Kedua-dua akhbar memberikan perhatian besar kepada tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap sindiket dadah. Fokus kepada penangkapan dan penguatkuasaan ini menunjukkan keberkesanan pihak berkuasa dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah dan bahan serta memberikan amaran kepada masyarakat mengenai risiko dan akibat penglibatan dalam aktiviti dadah dan bahan ini.

Perbezaan Sumber dan Peristiwa Dadah dan Bahan antara Akhbar Harian Metro dan The Star
 Jadual 5 menunjukkan analisis terperinci perbandingan sumber berita yang digunakan oleh Harian Metro dan The Star. Bagi sumber Polis Diraja Malaysia (PDRM), Harian Metro mencatatkan 150 sumber (62.2%) dan The Star mencatatkan 44 sumber (36.4%). Media dan wartawan juga merupakan sumber yang signifikan, digunakan sebanyak 58 kali oleh setiap akhbar, yang merangkumi 24.1% bagi Harian Metro dan 47.9% bagi The Star.

Jadual 5: Perbezaan sumber berita dan peristiwa antara akhbar Harian Metro dan The Star

Sumber	Harian Metro		The Star	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	150	62.2	44	36.4
Media/Wartawan	58	24.1	58	47.9
Kementerian / Agensi / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	18	7.5	10	8.3
Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)	8	3.3	1	0.8
Pakar / Sarjana	1	0.4	2	2.5
NGO	1	0.4	2	1.7
Orang Awam	1	0.4	2	1.7
Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP)	2	0.8	0	0.0
Selebriti	2	0.8	0	0.0
Syarikat korporat / Pihak swasta	0	0.0	1	
Jumlah	241	100.0	121	100.0

Apa yang menariknya adalah perbezaan penggunaan PDRM antara kedua-dua akhbar. Bagi akhbar Harian Metro, PDRM merangkumi setinggi 62.2% sumber berita dadah dan bahan manakala The Star menunjukkan kecenderungan lebih tinggi untuk menggunakan sumber media/wartawan (47.9%) sebagai sumber melebihi sumber PDRM (36.4%). Salah satu lagi dapatan yang menarik juga adalah kegunaan AADK sebagai sumber adalah jauh lebih tinggi untuk Harian Metro (3.3%) berbanding The Star (0.8%).

Harian Metro cenderung untuk bergantung pada sumber rasmi dan berkuasa seperti polis dalam laporan berita mereka. Ini menunjukkan bahawa Harian Metro lebih menekankan pada maklumat yang boleh dipercayai dari pihak berkuasa untuk memberikan gambaran yang sahih dan segera mengenai kejadian-kejadian yang berlaku. Bergantung pada sumber rasmi ini juga boleh memperkuatkan kredibiliti laporan mereka. The Star lebih fokus pada laporan yang diperoleh dari penyelidikan dan penyampaian berita yang lebih luas dan mendalam, menggunakan perspektif wartawan dan media lain untuk memberikan konteks dan analisis tambahan. Harian Metro mungkin memberi perhatian kepada isu-isu berkaitan dadah dan pencegahan lebih banyak daripada The Star. Ini mungkin disebabkan oleh fokus editorial Harian Metro yang lebih menekankan isu-isu sosial dan kesihatan awam.

Jadual 6 memberikan analisis terperinci mengenai kekerapan kategori peristiwa berita berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan yang dilaporkan dalam dua akhbar utama di Malaysia, iaitu Harian Metro dan The Star. Kategori peristiwa yang paling kerap dilaporkan oleh kedua-dua akhbar adalah penangkapan pengedar atau sindiket dadah dan bahan, dengan Harian Metro mencatatkan 64 kejadian (26.6%) dan The Star mencatatkan 37 kejadian (30.6%). Jenayah salah laku oleh pengguna bahan dan dadah dilaporkan sebanyak 41 kali oleh Harian Metro (17.0%) dan 8 kali oleh The Star (6.6%). Operasi pencegahan dadah dan bahan oleh pihak berkuasa juga mendapat liputan yang signifikan dengan 40 kejadian (16.6%) dilaporkan oleh Harian Metro dan 23 kejadian (19.0%) oleh The Star. Peristiwa-peristiwa lain kurang mendapat perhatian daripada kedua-dua akhbar.

Jadual 6: Kekerapan dan peratus peristiwa dadah dan bahan mengikut akhbar

Peristiwa	Harian Metro		The Star	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Penangkapan pengedar/sindiket dadah dan bahan	64	26.6	37	30.6
Operasi pencegahan dadah dan bahan oleh pihak berkuasa	40	16.6	23	19.0
Jenayah/salah laku oleh pengguna dadah dan bahan	41	17.0	8	6.6
Pemberian hukuman kepada pengedar dadah dan bahan	21	8.7	2	1.7
Penemuan dadah dan bahan	14	5.8	9	7.4
Penyeludupan dadah dan bahan	6	2.5	12	9.9
Perbicaraan kes dadah dan bahan	14	5.8	4	3.3
Program rawatan dan pemulihan dadah dan bahan	14	5.8	2	1.7
Pelaksanaan undang-undang baru berkaitan dadah dan bahan	3	1.2	7	5.8
Bebas pertuduhan	5	2.1	2	1.7
Salah laku anggota	3	1.2	7	5.8
Kesan penyalahgunaan dadah dan bahan terhadap masyarakat setempat	4	1.7	3	2.5
Cerita kejayaan dalam program pemulihan dadah dan bahan	3	1.2	1	0.8
Statistik penagih	2	0.8	2	1.7

Kemalangan jalan raya disebabkan oleh pengguna dadah dan bahan	3	1.2	0	0.0
Kempen kesedaran tentang bahaya dadah dan bahan	1	0.4	1	0.8
Program pencegahan dadah dan bahan di sekolah dan komuniti	1	0.4	1	0.8
Scam	2	0.8	0	0.0
Kisah hidup penagih dan keluarga	0	0.0	1	0.8
Penyelidikan dadah dan bahan	0	0.0	1	0.8
Pertanian/tanaman dadah dan bahan	0	0.0	1	0.8
Jumlah	241	100.0	121	100.0

Terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan beza antara Harian Metro dan The Star. Kedua-dua akhbar memberikan fokus penangkapan pengedar/sindiket dadah dan bahan dan operasi pencegahan dadah dan bahan oleh pihak berkuasa, Namun, Harian Metro memberikan lebih liputan terhadap Jenayah/salah laku oleh pengguna dadah dan bahan (17.0%) berbanding The Star (6.6%). Harian Metro juga memberikan lebih fokus kepada pemberian hukuman kepada pengedar dadah dan bahan (8.7%) berbanding The Star (1.7%). Tetapi The Star memberikan fokus kepada penyeludupan dadah dan bahan (9.9%) berbanding Harian Metro (2.5%).

Strategi editorial Harian Metro cenderung menekankan aspek jenayah dan kesan sosial langsung dari penggunaan dadah. Dengan memberikan liputan yang lebih kepada jenayah oleh pengguna dadah, Harian Metro bertujuan untuk menarik perhatian pembaca terhadap masalah sosial dan memberikan kesedaran mengenai kesan negatif penggunaan dadah dalam masyarakat. Liputan yang mendalam mengenai hukuman dapat memberi impak yang kuat kepada pembaca mengenai tanggungjawab dan kesan undang-undang terhadap kegiatan pengedaran dadah.

The Star memberi tumpuan kepada isu-isu yang melibatkan rangkaian dan operasi penyeludupan, yang dianggap sebagai aspek penting dalam memerangi jenayah dadah secara keseluruhan. Penyeludupan dadah sering melibatkan aspek antarabangsa dan rangkaian yang kompleks, dan liputan yang lebih banyak mengenai isu ini dapat memberikan perspektif yang lebih luas mengenai masalah dadah.

Perbezaan Ketampakan Pembingkai Berita Dadah dan Bahan antara Akhbar Harian Metro dan The Star

Kesemua skor ketampakan pembingkai berita dadah dan bahan boleh dilihat dalam Jadual 7. Secara keseluruhannya, jumlah bagi kedua-dua akhbar menunjukkan bahawa bingkai tanggungjawab mencatatkan tahap yang tinggi ($M=0.6055$, $SD=0.19230$, $N=362$), menunjukkan bahawa bingkai ini adalah yang paling dominan secara keseluruhan. Bingkai kepentingan manusia mencatatkan tahap sederhana ($M=0.4077$, $SD=0.31145$, $N=362$), menunjukkan bahawa aspek kemanusiaan adalah signifikan dalam laporan berita. Bingkai konflik menunjukkan tahap yang rendah ($M=0.3522$, $SD=0.19846$, $N=362$), menunjukkan bahawa elemen konflik juga diberi perhatian yang ketara. Bingkai Kesan Ekonomi mencatatkan tahap yang rendah ($M=0.1998$, $SD=0.20226$, $N=362$), menunjukkan bahawa kesan ekonomi juga diambil kira dalam laporan berita, walaupun tidak seberapa kerap berbanding bingkai lain. Akhir sekali, Bingkai Moraliti mencatatkan tahap yang sangat rendah ($M=0.0322$, $SD=0.12846$, $N=362$), menunjukkan bahawa penggunaan bingkai moraliti adalah paling rendah. Analisis ini menunjukkan bahawa bingkai tanggungjawab adalah yang paling dominan dalam laporan

berita berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan, diikuti oleh bingkai kepentingan manusia dan bingkai konflik. Bingkai moraliti adalah yang paling jarang ditemui dalam kedua-dua akhbar. Dapatan ini memberikan gambaran yang jelas tentang penekanan media dalam melaporkan isu berkaitan dadah, dengan fokus utama kepada tanggungjawab dan aspek kemanusiaan.

Bagi akhbar Harian Metro, Bingkai Tanggungjawab mencatatkan tahap yang tinggi ($M=0.6100$, $SD=0.18138$) menunjukkan bahawa bingkai ini adalah antara yang paling kerap digunakan dalam laporan berita berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan. Bingkai Kepentingan Manusia pula mencatatkan tahap sederhana ($M=0.4241$, $SD=0.32029$), menunjukkan perhatian yang signifikan terhadap aspek kemanusiaan dalam laporan berita. Tahap agak rendah bagi bingkai konflik ($M=0.3734$, $SD=0.19912$) menunjukkan bahawa elemen konflik turut diberi perhatian dalam laporan berita. Bingkai Kesan Ekonomi mencatatkan tahap yang rendah ($M=0.1978$, $SD=0.19502$), menunjukkan bahawa kesan ekonomi juga diambil kira dalam laporan berita, walaupun tidak seberapa kerap berbanding bingkai lain. Akhir sekali, Bingkai Moraliti mencatatkan tahap yang sangat rendah ($M=0.0346$, $SD=0.13677$) menunjukkan bahawa penggunaan bingkai moraliti adalah rendah.

Bagi akhbar The Star pula, Bingkai Tanggungjawab mencatatkan tahap yang tinggi ($M=0.5967$, $SD=0.21289$), menunjukkan bahawa bingkai ini juga dominan dalam laporan berita berkaitan dadah. Bingkai Kepentingan Manusia mencatatkan tahap sederhana ($M=0.3752$, $SD=0.29163$), menunjukkan bahawa perhatian terhadap aspek kemanusiaan adalah ketara, walaupun sedikit lebih rendah berbanding Harian Metro. Tahap bagi bingkai konflik adalah rendah ($M=0.3079$, $SD=0.19029$), menunjukkan bahawa elemen konflik turut diberi perhatian, walaupun kurang berbanding Harian Metro. Bingkai Kesan Ekonomi mencatatkan tahap yang rendah ($M=0.2039$, $SD=0.21676$) menunjukkan bahawa kesan ekonomi juga diberi perhatian, lebih tinggi sedikit berbanding Harian Metro. Akhir sekali, Bingkai Moraliti mencatatkan tahap yang sangat rendah ($M=0.0275$, $SD=0.11044$) menunjukkan bahawa penggunaan bingkai moraliti adalah yang paling rendah.

Jadual 7: Skor min ketampakan bingkai dalam kedua-dua akhbar The Star dan Harian Metro

Newspaper	Tanggungjawab	Kepentingan Manusia	Konflik	Moraliti	Kesan Ekonomi	N
Harian Metro	.6100 (.18138)	.4241 (.32029)	.3734 (.19912)	.0346 (.13677)	.1978 (.19502)	241
The Star	.5967 (.21289)	.3752 (.29163)	.3079 (.19029)	.0275 (.11044)	.2039 (.21676)	121
Keseluruhan	.6055 (.19230)	.4077 (.31145)	.3522 (.19846)	.0322 (.12846)	.1998 (.20226)	362

Nota: Nilai dalam kurungan merujuk kepada sisihan piawaian.

Kedua-dua akhbar menunjukkan penggunaan yang tinggi bagi Bingkai Tanggungjawab, dengan sedikit perbezaan antara mereka. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar memberi tumpuan yang besar kepada aspek tanggungjawab dalam laporan berita berkaitan dadah. Harian Metro mungkin lebih fokus kepada cerita kemanusiaan dalam laporannya, manakala The Star lebih cenderung untuk membincangkan kesan ekonomi dalam laporan berita mereka walaupun pada tahap yang rendah. Bingkai moraliti adalah elemen yang jarang digunakan dalam laporan berita berkaitan dadah dalam kedua-dua akhbar.

KESIMPULAN

Kajian pembingkaian berita dadah dalam akhbar ini memberikan pemahaman bagaimana teori lima bingkai generik Semetko dan Valkenburg (2000) boleh diaplikasikan untuk menganalisis bagaimana media tempatan menggambarkan isu yang penting, contohnya isu dadah dan bahan. Dalam konteks kajian ini, kajian ini menggambarkan bagaimana terdapat perdebatan antara pihak berkepentingan dalam menangani isu dadah, siapakah parti yang dipertanggungjawabkan dan bagaimana isu tersebut dilihat daripada aspek kemanusiaan dan moraliti. Lima bingkai generik Semetko dan Valkenburg kerap kali digunakan dalam isu-isu politik dan perperangan, namun jarang dalam isu kesihatan awam seperti dadah dan bahan. Diharapkan kajian-kajian pada masa dapat mengembangkan penggunaan lima bingkai generik untuk isu dadah dan bahan di negara ini, tetapi juga di negara-negara lain. Pada masa yang sama, lima bingkai generik tersebut juga boleh digunakan dalam isu kesihatan awam selain isu dadah dan bahan.

Kajian ini telah memberikan pandangan yang mendalam mengenai cara akhbar Harian Metro dan The Star melaporkan isu penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia. Melalui analisis yang teliti terhadap artikel yang diterbitkan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2023, kajian ini mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pendekatan dan penekanan bingkai yang digunakan oleh kedua-dua akhbar tersebut. Ini menunjukkan bahawa Harian Metro memberikan liputan yang lebih meluas dan kerap mengenai isu penyalahgunaan dadah dan bahan berbanding The Star dan ia dicerminkan melalui jumlah artikel yang lebih tinggi dan menonjol dalam akhbar.

Kajian ini mendedahkan PDRM dan media atau wartawan adalah sumber yang paling dominan dalam laporan berita berkaitan dadah. Ini menunjukkan kepercayaan media terhadap pihak berkuasa sebagai sumber maklumat yang sahih dan berwibawa. Walau bagaimanapun, sumber lain seperti NGO, pakar/sarjana dan orang awam kurang digunakan, menunjukkan bahawa perspektif dari pelbagai pihak ini kurang diambil kira dalam liputan berita. Dapatkan iniu menunjukkan bagaimana PDRM merupakan sumber utama yang amat penting sebagai pembina agenda media mengenai isu dadah dan bahan selaras dengan dapatan kajian oleh Sharon dan Tham (2019).

Dari segi kategori peristiwa, penangkapan pengedar atau sindiket dadah dan operasi pencegahan oleh pihak berkuasa adalah peristiwa yang paling kerap dilaporkan. Ini mencerminkan fokus media terhadap tindakan penguatkuasaan dan pencegahan sebagai langkah utama dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah. Perkara ini menunjukkan keutamaan bingkai di Malaysia adalah fokus kepada pelbagai operasi telah dijalankan oleh pihak bertanggungjawab untuk membanteras pengedaran dan penyeludupan dadah serta bahan (Azizul Halim et al., 2019). Peristiwa lain seperti jenayah oleh pengguna dadah, pemberian hukuman dan penemuan dadah juga mendapat liputan yang signifikan, manakala aspek seperti program pemulihan dan kesan sosial kurang diberi perhatian.

Seiring dengan kajian oleh Nurul Ain dan Faridah (2012) yang menyatakan bingkai tanggungjawab adalah bingkai yang paling menonjol dan banyak diberi perhatian dalam akhbar. Ini juga menunjukkan kemampuan akhbar Harian Metro untuk membentuk persepsi masyarakat mengenai isu penyalahgunaan dadah dan bahan. Selain itu, akhbar ini berjaya menekankan peranan penting pihak berkuasa dalam usaha pencegahan dan penguatkuasaan serta memperkuat keyakinan masyarakat terhadap tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah ini. Harian Metro tidak hanya menyampaikan berita,

tetapi juga berperanan mendidik dan meningkatkan kesedaran awam mengenai bahaya penyalahgunaan dadah dan bahan serta pentingnya tindakan tegas oleh pihak berkuasa.

Harian Metro juga cenderung menggunakan Bingkai Tanggungjawab di mana laporan mereka sering menekankan kejayaan PDRM dan pihak berkuasa lain dalam menangkap pengedar dan sindiket serta pelaksanaan operasi penyalahgunaan dadah dan bahan. Penggunaan Bingkai Tanggungjawab ini menunjukkan keupayaan pihak berkuasa dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan bahan sekali gus memberikan keyakinan kepada pembaca bahawa langkah pencegahan dan penguatkuasaan sedang dan sentiasa dijalankan dengan berkesan untuk mengatasi masalah ini. Sebaliknya, The Star menggunakan Bingkai Kepentingan Manusia dan Bingkai Tanggungjawab dalam liputannya dan menekankan aspek pendidikan dan kesedaran masyarakat dengan memberikan pandangan yang mendalam mengenai kesan sosial penyalahgunaan dadah dan bahan. Pendekatan ini membantu pembaca memahami isu ini dalam konteks yang lebih luas dan rasional serta memberikan pandangan mengenai tindakan pihak berkuasa dan kesan sosial penyalahgunaan dadah termasuk laporan dari negara luar atau secara global.

The Star cenderung memberikan liputan yang meluas dari luar negara dengan menekankan aspek konflik dan ekonomi berkaitan penyalahgunaan dadah dan bahan. Melalui pendekatan ini, The Star memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada pembaca mengenai isu berkaitan penyalahgunaan dadah di peringkat antarabangsa yang mungkin mempengaruhi masyarakat di Malaysia. Liputan ini sering menggabungkan analisis mendalam dan data statistik untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai isu global yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah dan bahan. Ini selari dengan bingkai konflik dan bingkai ekonomi dalam teori Semetko dan Valkenburg (2000) yang menunjukkan bagaimana konflik antarabangsa dan kesan ekonomi dadah dipersembahkan kepada pembaca.

Sebagai penutup, kajian ini telah berjaya mencapai objektif utamanya dalam menganalisis pembingkaian isu penyalahgunaan dadah dan bahan dalam akhbar Harian Metro dan The Star. Analisis yang dijalankan menjawab persoalan kajian mengenai pembingkaian berita oleh kedua-dua akhbar. Dapatkan kajian ini boleh digunakan untuk merangka strategi komunikasi yang lebih efektif dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya penyalahgunaan dadah dan bahan serta pentingnya usaha pencegahan. Pemahaman tentang bagaimana media melaporkan isu ini dan bagaimana persepsi masyarakat boleh dipengaruhi oleh liputan media, pembuat dasar dan organisasi boleh menyesuaikan pendekatan mereka untuk mencapai kesan yang lebih besar dalam usaha pencegahan penyalahgunaan dadah dan bahan.

Daripada dapatan kajian ini, pengkaji meyimpulkan bahawa wartawan boleh menggunakan maklumat tentang teori pembingkaian lima bingkai generik Semetko dan Valkenburg (2000) untuk menghasilkan liputan yang lebih seimbang dan informatif mengenai isu dadah. Dengan memahami pelbagai cara sesuatu isu boleh dibingkaikan, wartawan boleh memilih untuk menyampaikan berita secara lebih menyeluruh, menggabungkan bingkai tanggungjawab untuk menjelaskan peranan kerajaan atau masyarakat, serta bingkai kemanusiaan bagi mengetengahkan kisah individu yang terjejas. Mereka juga boleh menggunakan bingkai konflik untuk merangsang perbincangan kritikal, serta bingkai moral dan akibat ekonomi untuk memberi kesedaran tentang implikasi yang lebih luas kepada masyarakat. Ini membantu memastikan berita yang disampaikan tidak berat sebelah dan memperkaya pemahaman khalayak tentang isu dadah.

Akhir sekali, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan media dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap isu sosial yang kritikal. Kajian ini menunjukkan bahawa media bukan sahaja melaporkan fakta tetapi juga memainkan peranan penting dalam membingkaikan isu yang boleh mempengaruhi pemahaman dan tindakan masyarakat dengan menganalisis bagaimana isu penyalahgunaan dadah dan bahan dilaporkan. Analisis ini hanya memberi gambaran umum tanpa mengkaji konteks yang mendalam. Ini adalah langkah awal yang penting untuk memetakan data tetapi tidak mencakup analisis kualitatif atau sebab yang lebih mendalam. Data eksplorasi ini boleh membantu untuk merancang kajian selanjutnya yang mungkin melibatkan analisis kualitatif, kajian kes, atau metodologi lain untuk mendapatkan

Cadangan masa hadapan untuk meningkatkan pemahaman dan penggunaan teori pembingkaian dalam liputan isu dadah di Malaysia termasuk melaksanakan penyelidikan lanjut mengenai bagaimana bingkai digunakan dan kesannya, menyediakan latihan khusus kepada wartawan mengenai teori pembingkaian, serta menggubal garis panduan etika untuk mengelakkan bias dan stereotaip. Media juga harus menggunakan pelbagai bingkai untuk memberi gambaran yang lebih seimbang dan bekerjasama dengan penyelidik akademik bagi meningkatkan kualiti liputan. Selain itu, kempen kesedaran awam dan mekanisme pemantauan boleh membantu mendidik masyarakat dan memastikan liputan yang lebih bertanggungjawab. pandangan yang lebih komprehensif.

BIODATA

Juliana Binti Mohamad Khari merupakan seorang pelajar Sarjana Sains Sosial Pengurusan Komunikasi di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau juga merupakan Pegawai Antidadah di Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Minat penyelidikan beliau adalah bidang pembingkaian dan penyalahgunaan dadah. Email: p121804@siswa.ukm.edu.my

Kho Suet Nie merupakan seorang Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang Komunikasi Politik dan Komunikasi Keorganisasian. Email: suetnie@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2022). Maklumat dadah 2022.
- Amer Fawwaz Mohamad Yasid, & Noraini Zulkifli. (2022). Memahami sejarah dan geopolitik amerika syarikat dis egi tiga emas thailand: hubungkait ketagihan dan penyeludupan dadah terhadap keselamatan Malaysia. *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 2(2), 151–182.
- Awan Ismail, Norizah Aripin, & Duang Myra Cheng Sim. (2021). Pembingkaian analisis berita dalam Facebook mengenai Covid-19: Langkah, punca dan laporan jangkitan. *Asian People Journal (APJ)*, 4(2), 161–175.
- Azahar Kasim, Mokhtarrudin Ahmad, Azman Bidin, & Rachmat Kriyantono. (2022). Pembingkaian generik berita strategik dalam Program Transformasi Negara (GTP). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(2), 314–332.
- Azizul Halim Yahya, Ismail Sualman, Zulkipli Abu Bakar, Zaliffah Abd Wahab, Nora Nordin, Haminda Agil, Antashah Mohd Nor, Anuar Ali, & Mohd Nur Najmi Nuji. (2019). Keberkesanan program kesedaran awam AADK melalui pendekatan pemasaran sosial. *Jurnal Anti-Dadah Malaysia*, 11(2), 21–55.
- Sadmego, V. B., & Nasucha, M. (2019). Framing news on religion and living environment in online media. *Jurnal Komunikasi*, 14(1), 93–104.
- Gou Siang Pui, & Rani Ann Balaraman. (2022). Framing Covid-19 vaccination: A study of Malaysian mainstream and alternative online news portals. *Forum Komunikasi*, 17(1), 1–28.
- Haslee Sharil Lim Abdullah, Mohd Rafidi Jusoh, Mohamad Isa Amat, Amin Al Haadi Shafie, Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, & Mohd Arief Sadik. (2017). Kajian penilaian keberkesanan program perangi dadah habis-habisan 2016. *Journal Antidadah Malaysia*.
- Jayachandran, J. (2020). The media coverage of drugs and alcohol in Punjab during COVID-19 Pandemic. *Asian Politics & Policy*, 12(3), 469–485.
- Jozaghi, E., & Vandu. (2022). The overdose epidemic: A study protocol to determine whether people who use drugs can influence or shape public opinion via mass media. *Health and Justice*, 10(1), 1–7.
- Ismail, R., Ghazalli, M. N., & Ibrahim. N. (2015). Not all developmental assets can predict negative mental health outcomes of disadvantaged youth: A case of suburban Kuala Lumpur. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(5), 452–461.
- Kho Suet Nie, Chew Chee Khiang, Tan Joon Ling, & Chang Peng Kee. (2003). Pembingkaian isu pendidikan di Malaysia oleh sumber berita dan akhbar Cina. *Jurnal Kominikasi: Malaysia Journal of Communication*, 27(2), 221–238.
- Lecheler, S., & de Vreese, C. H. (2019). *News framing effects* (1st ed.). Taylor & Francis Group.
- Mohammad Adam Danial Hafiz Goh, Mohd Roslan Rosnon, & Asnarulkhadi Abu Samah. (2021). Peranan Modul ISRA dalam membantu kepulihan bekas klien di Kedah, Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 71–82.
- Mohammed Faizal Mohd Nor Al Kamaruddin, & Abdul Latiff Ahmad. (2019). Pembentukan penjenamaan diri melalui komunikasi maya di Instagram oleh selebriti wanita Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1–11.
- Muhammad Hakimi Tew Abdullah, Abdul Rauf Ridzuan, & Shafinar Ismail. (2019). A comparative study of media framing on blog coverage in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 21–40.

- Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd Rizaimy Shaharudin, Lokman Effendi Ramli, Norazam Mohd Noor, & Rafidah Mohamad Noor. (2023). Analisis penerimaan masyarakat terhadap program libat urus KDN bersama masyarakat setempat. *Journal of Public Security and Safety*, 15(1), 135–152.
- Nurul Ain A. Hamid, & Faridah Ibrahim. (2012). Pembingkaian berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 28(2), 95–112.
- Sharon Wilson, & Tham Jen Sern. (2019). Bridging the gap: Exploring police-media relations in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 74–91.
- Norfadhlina Noor, Mansor Mohd Noor, Chang Peng Kee, Shazlin Amir Hamzah, & Ab Bassit Husain. (2020). Kaedah analisis pembingkaian media dan kelompongan ilmu: Sebuah tinjauan tematik. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(8), 14–31.
- Norli Yusuf, Mohd Sufien Hassan, Tun Mastura Wan Lokman, & Fazurah Mustaffa. (2021). Pembingkaian akhbar online mengenai isu bantahan pembelajaran tulisan jawi di sekolah vernakular di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan Special Issue 1: Kololium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6(I), 95–109.
- Postma, L. G. M., & Donyai, P. (2021). The cooccurrence of heightened media attention and adverse drug reaction reports for hormonal contraception in the United Kingdom between 2014 and 2017. *British Journal of Clinical Pharmacology*, 87(4), 1768–1777.
- Price, V., Tewksbury, D., & Powers, E. (1997). Switching trains of thought: The impact of news frames on readers' cognitive responses. *Communication Research*, 24, 481–506.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2), 93–109.
- Sunderland, M., Kershaw, S., Ward, C., Bryant, Z., Teesson, L., Whittle, R., Paton, E., Charnley, J. L., & Skehan, J. (2023). Media reporting on alcohol and other drugs in Australia and the Mindframe guidelines: Baseline data. *Drug and Alcohol Review*, 42(5), 1078–1086.
- Vreese, C. H. (2005). News framing: Theory and typology. *Information Design Journal*, 13(1), 51–62.